

BENTUK KERTAS SOALAN

Kertas Pendidikan Seni 2611/3 ini mempunyai 6 soalan (memakan masa 3 jam)

Soalan 1: Ilustrasi kulit cakera padat.

Soalan 2: Corak pada teko.

Soalan 3: Reka corak tapak kasut.

Soalan 4: Kad ucapan.

Soalan 5: Logo huruf.

Soalan 6: Kaligrafi.

Pilih satu daripada 6 soalan di atas

PRESTASI KESELURUHAN

Prestasi keseluruhan adalah telah meningkat. Pencapaian tertumpu di tahap cemerlang dan kepujian. Memang ada calon yang berjaya menghasilkan karya yang begitu berkualiti dan bernilai komersial.

PRESTASI KESELURUHAN MENGIKUT KUMPULAN CALON**Calon Dalam Kumpulan Tertinggi:**

Calon boleh melukis dan mewarna dengan baik. Kesesuaian ilustrasi serta muka taip dengan tajuk amat menyerlah. Calon kumpulan ini menitikberatkan kekemasan dan ketelitian. Mereka boleh membuat interpretasi dengan baik lebih kreatif dan berkemahiran tinggi. Begitu jelas kesungguhan yang ditonjolkan dengan keistimewaan yang tersendiri.

Calon Dalam Kumpulan Sederhana:

Persembahan dan penampilan idea yang biasa dan kurang kreatif. Kurang berkesan dalam penguasaan mesej dan teknik Lemah dalam sapuan warna dan juga 'stroke' bagi manuskrip- iaitu 'stroke' yang tidak tekal (consistent) Sungguh pun begitu, hasil masih berkualiti tetapi kurang kemas.

Calon Dalam Kumpulan Rendah

Kumpulan yang tidak menepati kehendak soalan dan peraturan pemarkahan. Gubahan dan aplikasi yang lemah. Tiada kreativiti langsung dan tidak menunjukkan kesungguhan dalam menghasilkan kerja. Hasil kerja juga tidak kemas dan comot bahkan tidak menampilkan sebagai hasil calon sekolah menengah.

PRESTASI TERPERINCI**Soalan 1. Melukis kulit cakera padat**

Calon yang mendapat markah tertinggi melukis kapsion dan ilustrasi yang cukup menarik dan berkualiti Pelbagai jenis gendang dilukis, penampilan warna serta rekaletak yang menarik. Calon yang sederhana melukis muka taip agak lemah dan tiada ilustrasi. Lemah

dalam “rendering” warna. Calon yang gagal dari kumpulan rendah biasanya salah tentang ejaan dan kapsion. Memasukkan ilustrasi yang tidak berkaitan serta tidak mengikut ukuran.

Soalan 2. Mereka corak pada teko

Calon cemerlang boleh melukis corak flora dengan susunan ulangan yang kemas seperti yang dikehendaki. Campuran warna yang matang. Menonjolkan 3D (3 dimensi) walaupun tidak diminta. Calon sederhana membuat susunan corak yang tidak teratur dan tidak consistent. Menjawab soalan ala kadar dan tidak bersungguh-sungguh. Manakala calon yang gagal tidak menonjolkan penegasan,imbangan atau pun kepelbagaian. Konsep harmoni diabaikan. Satu motif utama sahaja yang ditonjolkan. Bahkan ada yang langsung tidak melukis motif.

Soalan 3. Mereka corak tapak kasut sukan

Calon cemerlang membuat olahan jalinan di tapak kasut dengan menarik, sesuai dengan fungsi serta paraktikal. Ada logo seperti yang dikehendaki manakala maksimum 3 warna yang dikehendaki soalan, juga dipatuhi. Manakala calon sederhana melukis kesan jalinan tidak jelas dan tidak sesuai dengan fungsi tapak kasut sukan. Calon yang gagal atau dari kumpulan yang rendah markahnya tidak memasukkan logo. Rupa tapak kasut diubah kepada rupa yang lebih tidak menarik.

Soalan 4. Muka hadapan kad ucapan merdeka

Kumpulan cemerlang memahami reka bentuk kad. Ilustrasi yang benar-benar menonjolkan kemajuan Malaysia seperti Menara kembar Petronas dan Menara Kuala Lumpur serta rupa pengangkutan monorail/LRT dilukis dengan baik sekali. Manakala kumpulan sederhana lemah dalam ilustrasi dan muka taip. Ada ilustrasi yang tidak berkaitan langsung. Bagi kumpulan yang markahnya rendah atau gagal pula, langsung tidak membuat ilustrasi. Ada yang salah mengeja.

Soalan 5. Melukis logo huruf MTS (Manja Toy Sdn. Bhd)

Calon dalam kumpulan markah tinggi membuat penonjolan mukataip MTS secara 3D seperti yang dikehendaki. Olahan mukataip pula sangat kreatif. Manakala calon dalam kumpulan sederhana, lemah dalam menonjolkan 3D terutama huruf **M** dan **S**. Rendering warna juga tidak kemas. Calon yang markahnya rendah tidak menonjolkan 3D, tidak mematuhi ukuran serta arahan. Contohnya mewarna melebihi 3 warna.

Soalan 6. Kaligrafi pada plak perasmian

Calon cemerlang mengguna pena manuskrip yang betul, “*stroke*” (khat) yang baik dan tekal (*consistent*). Ada keseimbangan serta jidar yang kemas, sangat sesuai untuk ditulis pada plak sepertimana yang dikehendaki soalan. Bagi calon kumpulan sederhana kelemahan utama ialah tidak menggunakan pena manuskrip. Kalau menggunakannya pun “*stroke*”/khatnya tidak betul dan tidak tekal (*consistent*). Tidak mengambil berat tentang keseimbangan-tidak mengukur terlebih dahulu (*sengaja mencuba soalan ini walaupun tidak pernah membuat latihan kaligrafi.*). Akhir sekali kumpulan yang rendah markahnya atau gagal melakukan kesalahan ejaan terutama khat jawi. Ada yang tertinggal perkataan dan juga titik huruf jawi dengan itu terpaksa ditolak markah.

SARANAN KEPADA CALON

1. Calon perlu mengaplikasi dan mempraktikkan apa yang dipelajari seperti unsurseni, teknik dan bahan.
2. Tidak membuat kerja sambil lewa dengan kata lain, mesti bersungguh-sungguh.
3. Membuat latihan mengikut masa yang ditetapkan.
4. Lengkapkan peralatan seperti berus dan warna yang berkualiti.
5. Mempunyai pengamatan yang tinggi dan peka dengan perkembangan seni grafik semasa.

SARANAN KEPADA GURU

1. Perlu ada kepakaran, pengalaman serta minat yang mendalam.
2. Menekankan tentang pentingnya masa untuk menyiapkan kerja.
3. Pengetahuan tentang peaturan pemarkahan.
4. Mahir dan berkelulusan dalam bidang seni grafik
5. Mengetahui teknik dan strategi mempercepatkan kerja.
6. Memperbanyakkan contoh/sample untuk calon.
7. Mempunyai ketegasan dalam mengutip hasil kerja calon.
8. Menekankan konsep asas seni reka seperti keseimbangan dan kontras warna
9. Latihan kaligrafi mesti dibuat sejak di menengah rendah lagi.
10. Latihan mestilah mencakupi semua soalan.
11. Mendedahkan calon kepada bahan dan pameran seni.